

**Terjemahan
Al-Qur'an**

Bersama

**Tafsir
al-Qur'an
Dengan
al-Qur'an**

Nota (6)

**Surah al-Baqarah
Ayat 65-101**

Oleh: Maulana Muhammad Asri Yusoff

أَفَتَعْظَمُونَ أَنْ يُؤْمِنُوا بِكَلِمَةِ اللَّهِ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ۚ وَإِذَا لَقُوا الَّذِينَ آمَنُوا قَالُوا آمَنَّا ۖ وَإِذَا خَلَا بِغُضُوبِهِمْ إِلَىٰ بَعْضِ مَا اتَّخَذُوا آلِهَتَهُمُ اتَّخَذُوا آلِهَتَهُمُ بَعْضَ مَا عَقَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ ۚ

Apakah kamu masih mengharapakan mereka akan percaya kepadamu, padahal segolongan dari mereka telah pun mendengar kalam Allah (Taurat), kemudian mereka mengubahnya setelah mereka memahaminya,¹³⁷ sedangkan mereka mengetahui (bahawa perbuatan itu salah)?¹³⁸ [75].

¹³⁷ Al-Qur'an pada beberapa tempat telah mendedahkan pengkhianatan orang-orang Yahudi dalam mengubah, menyembunyi dan menyelewengkan Kitab Taurat, khususnya yang berkaitan dengan kebenaran agama Islam dan sifat-sifat Nabi Muhammad s.a.w. sebagai penutup sekalian nabi. Lihat sebagai contohnya firman-firman Allah di bawah ini:

فَبِمَا نَقُضُهُمْ عَلَيْهِمْ لَعْنُتُهُمْ وَجَعَلْنَا قُلُوبَهُمْ قَاسِيَةً يُحَرِّفُونَ الْكَلِمَ عَنْ مَوَاضِعِهِمْ وَنَسُوا حَظًّا مِمَّا ذُكِّرُوا بِهِ وَلَا تَزَالُ تَطَّلِعُ عَلَى خَائِنَةٍ مِنْهُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِنْهُمْ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاصْفَحْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ۝

Bermaksud: Maka dengan sebab mereka mencabuli perjanjian setia mereka, Kami kutuki mereka, dan Kami jadikan hati mereka keras (tidak mahu menerima kebenaran). Mereka sentiasa mengubah kalimah-kalimah (yang ada di dalam kitab Taurat dengan memutarnya) daripada tempat-tempatnya (dan maksudnya) yang sebenar dan mereka melupakan (meninggalkan) sebahagian daripada apa yang diperingatkan mereka dengannya, dan engkau (wahai Muhammad) sentiasa dapat melihat perbuatan khianat yang mereka lakukan, kecuali sedikit dari mereka (yang tidak berlaku khianat). Oleh itu, maafkanlah mereka (jika mereka sedia bertaubat) dan janganlah dihiraukan, kerana sesungguhnya Allah suka kepada orang-orang yang berbuat baik. (al-Maa'idah:13).

وَلَمَّا جَاءَهُمْ كِتَابٌ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَهُمْ وَكَانُوا مِنْ قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا فَلَمَّا جَاءَهُمْ مَا عَرَفُوا كَفَرُوا بِهِ فَلَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْكَافِرِينَ ۝

Bermaksud: Dan setelah datang kepada mereka sebuah kitab (Al-Qur'an) dari Allah yang membenarkan apa yang ada pada mereka (Kitab Taurat), padahal sebelumnya mereka sentiasa memohon (kepada Allah) kemenangan atas orang-orang kafir (dengan kedatangan rasul yang akan dibangkitkan itu), tetapi setelah datang kepada mereka Rasul yang mereka ketahui (benarnya), mereka mengingkarinya. Maka (dengan yang demikian) laknat Allah menimpa orang-orang yang kafir ingkar itu. (al-Baqarah:89).

Dan apabila mereka (orang-orang munafiq dari kalangan Yahudi di zaman rasulullah s.a.w.) bertemu dengan orang-orang yang beriman, mereka berkata: “Kamipun telah beriman”; tetapi apabila mereka berada sesama mereka, mereka berkata: “Patutkah kamu menceritakan kepada mereka (orang-orang Islam) apa yang telah diterangkan Allah kepadamu (di dalam Kitab Taurat mengenai kebenaran Muhammad), supaya mereka dapat menjadikannya sebagai hujjah yang mengalahkanmu kelak di hadapan Tuhanmu?; tidakkah kamu berfikir?” [76].

Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah mengetahui apa yang mereka sembunyikan dan apa yang mereka nyatakan? [77].

وَلَمَّا جَاءَهُمْ رَسُولٌ مِّنْ عِندِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِّمَا مَعَهُمْ نَبَذَ فَرِيقٌ مِّنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ كِتَابَ اللَّهِ وَرَأَوْا ظُهُورَهُمْ كَأَنَّهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٧٦﴾

Bermaksud: Dan setelah datang kepada mereka seorang Rasul dari sisi Allah yang membenarkan apa (kitab) yang ada pada mereka, sebahagian dari orang-orang yang diberi kitab (Taurat) melemparkan kitab Allah ke belakang (punggung)nya, seolah-olah mereka tidak mengetahui (bahawa itu adalah kitab Allah). (al-Baqarah:101).

أَفَعَيِّرَ اللَّهُ أَتْبَغَىٰ حَكْمًا وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ إِلَيْكُمُ الْكِتَابَ مُفَصَّلًا وَالَّذِينَ ءَاتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَعْلَمُونَ أَنَّهُ مُنَزَّلٌ مِّنْ رَبِّكَ بِالْحَقِّ فَلَا تَكُونَنَّ مِنَ الْمُنْتَرِينَ ﴿٧٧﴾

Bermaksud: (Katakanlah wahai Muhammad): Patutkah aku (terpedaya dengan kata-kata dusta syaitan-syaitan itu sehingga aku) hendak mencari hakim selain dari Allah, padahal Dialah yang menurunkan kepadamu kitab Al-Quran dengan terperinci? Orang-orang yang telah Kami berikan kitab kepada mereka, mengetahui bahawa Al-Quran itu memang diturunkan dari Tuhanmu dengan sebenar-benarnya. Oleh itu, jangan sekali-kali engkau menjadi (salah seorang) dari golongan yang ragu-ragu. (al-An`aam:114).

الَّذِينَ ءَاتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَعْرِفُونَهُ كَمَا يَعْرِفُونَ أَبْنَاءَهُمْ وَإِنَّ فَرِيقًا مِّنْهُمْ لَيَكْتُمُونَ الْحَقَّ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٨﴾

Bermaksud: Orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah Kami kurniakan Al-Kitab (Taurat dan Injil) kepada mereka memang mengenalinya (Muhammad) seperti mereka mengenali anak-anak mereka sendiri. Dan sesungguhnya sebahagian dari mereka berusaha menyembunyikan kebenaran itu, sedangkan mereka mengetahui (salahnya perbuatan yang demikian). (al-Baqarah:146).

¹³⁸ Ayat ini pula menunjukkan mengubah dan memesongkan Kitab Allah adalah suatu dosa yang amat besar. Ia merupakan salah satu sebab bagi terkunci matinya hati manusia. Kelayakan menerima iman dan kebenaran terus hilang daripadanya.

وَمِنْهُمْ أُمِّيُونَ لَا يَعْلَمُونَ الْكِتَابَ إِلَّا أَمَانِي وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَظُنُّونَ ﴿٥٠﴾ قَوْلِ الَّذِينَ يَكْتُوبُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ ثُمَّ يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لِيُشْتَرَوْا بِهِ ثَمَنًا قَلِيلًا ۖ قَوْلِ لَهُمْ مِمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَهُمْ مِمَّا يَكْسِبُونَ ﴿٥١﴾ وَقَالُوا لَنْ نَمَسَّنَا النَّارَ إِلَّا أَيَّامًا مَعْدُودَةً ۖ قُلْ أَتَّخَذْتُمْ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدًا فَلَنْ يُخْلِفَ اللَّهُ عَهْدَهُ أَمْ تَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٥٢﴾ بَلَى مَنْ كَسَبَ سَيِّئَةً وَأَحَاطَتْ بِهِ خَطِيئَتُهُ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٥٣﴾ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ ۖ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٥٤﴾

Dan di antara mereka (Ahli Kitab) ada golongan Ummi yang tidak mengetahui (apa yang dikatakan) Al-Kitab (Taurat) kecuali bacaan-bacaan (zahir) dan dongeng-dongeng sahaja.¹³⁹ Mereka hanya menduga-duga sahaja. [78].

¹³⁹ Antara yang diceritakan oleh Allah di dalam al-Qur'an tentang dongeng-dongeng yang menjadi pegangan mereka ialah:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ وَالنَّصَارَى نَحْنُ أَبْنَاءُ اللَّهِ وَأَحِبُّوا اللَّهَ قُل فَلِمَ يُعَذِّبُكُمْ بِذُنُوبِكُمْ بَلْ أَنْتُمْ بَشَرٌ مِمَّنْ خَلَقَ يَغْفِر لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَلِلَّهِ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ ﴿٥٥﴾

Bermaksud: Orang-orang Yahudi dan Nasrani mengatakan: “Kami ini adalah anak-anak Allah dan kekasih-kekasih-Nya.” Katakanlah (wahai Muhammad): “(Kalau betul demikian), Maka mengapa Dia menyiksa kamu kerana dosa-dosamu?” (Kamu bukanlah anak-anak Allah dan kekasih-kekasih-Nya), bahkan kamu semuanya adalah manusia biasa di antara manusia-manusia lain yang diciptakanNya. Dia mengampuni sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan serta hukum SyariatNya), demikian juga Dia menyiksa sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan (ingatlah) kepunyaan Allah jua kerajaan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya. Dan kepada Allah jualah tempat kembali (segala sesuatu). (al-Maa'idah:18).

وَقَالُوا لَنْ نَمَسَّنَا النَّارَ إِلَّا أَيَّامًا مَعْدُودَةً قُلْ أَتَّخَذْتُمْ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدًا فَلَنْ يُخْلِفَ اللَّهُ عَهْدَهُ أَمْ تَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٥٦﴾

Bermaksud: Dan mereka berkata lagi: “Kami sekali-kali tidak akan disentuh oleh api neraka, kecuali beberapa hari yang boleh dibilang sahaja.” Katakanlah: “Apakah kamu telah menerima janji dari Allah sehingga Allah tidak akan memungkirkan janji-Nya, atau kamu hanya mengata-ngatakan terhadap Allah apa yang tidak kamu ketahui? (al-Baqarah:80).

وَقَالُوا لَنْ يَدْخُلَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ كَانَ هُودًا أَوْ نَصْرَىٰ تِلْكَ أَمَانِيُّهُمْ قُلْ هَاتُوا بُرْهَانَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٥٧﴾

Bermaksud: Dan mereka (Yahudi dan Nasrani) menda'wa: “Sekali-kali tidak akan masuk surga kecuali orang-orang (yang beragama) Yahudi atau Nasrani.” Itu (hanya) da'waan-da'waan mereka yang kosong belaka. Katakanlah: “Tunjukkanlah bukti kebenaranmu jika kamu memang orang-orang yang benar.” (al-Baqarah:111).

Kecelakaan besarlah bagi orang-orang yang menulis Al-Kitab (Taurat) dengan tangan mereka sendiri, kemudian mereka menda'wa; "Ini dari sisi Allah", (dengan maksud) untuk memperoleh keuntungan yang sedikit dengan perbuatan itu.¹⁴⁰ Maka kecelakaan besarlah bagi mereka, akibat apa yang ditulis oleh tangan mereka sendiri, dan kecelakaan besarlah bagi mereka, akibat perbuatan yang dilakukan mereka itu.¹⁴¹ [79].

Dan mereka berkata lagi: "Kami sekali-kali tidak akan disentuh oleh api neraka, kecuali beberapa hari yang boleh dibilang sahaja." Katakanlah: "Apakah kamu telah menerima janji dari Allah sehingga Allah tidak akan memungkiri janji-Nya,¹⁴² atau kamu hanya mengata-ngatakan terhadap Allah apa yang tidak kamu ketahui. [80].

(Bukan begitu), malah sebenarnya (ialah) sesiapa sahaja yang melakukan kejahatan (dosa) dan ia diliputi oleh dosanya, mereka itulah penghuni neraka, mereka akan kekal di dalamnya. [81].

Orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan yang saleh,¹⁴³ merekalah penghuni syurga, mereka akan kekal di dalamnya. [82].

¹⁴⁰ Biar bagaimana banyak sekalipun harta dunia yang diperolehi mereka namun ia tetap sedikit di sisi Allah. Allah berfirman:

.... قُلْ مَتَعُ الدُّنْيَا قَلِيلٌ وَالْآخِرَةُ خَيْرٌ لِّمَنِ اتَّقَىٰ وَلَا يُظْلَمُونَ فَتِيلًا ﴿٧٩﴾

Katakanlah: "...Kesenangan di dunia ini hanya sedikit dan akhirat itu lebih baik untuk orang-orang yang bertakwa, dan kamu tidak akan dianiaya sedikitpun. (an-Nisaa':77).

¹⁴¹ Iaitu mengatakan sesuatu yang tidak pernah dikatakan oleh Allah. Allah berfirman:

قُلْ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يَفْلِحُونَ ﴿٨٠﴾

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya orang-orang yang mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah, tidak akan berjaya. (Yunus:69).

¹⁴² Kerana Dia telah berfirman:

رَبَّنَا إِنَّكَ جَامِعُ النَّاسِ لِيَوْمٍ لَا رَيْبَ فِيهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُخْلِفُ الْمِيعَادَ ﴿٩٠﴾

Bermaksud: Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkaulah yang akan menghimpunkan sekalian manusia, untuk (menerima balasan pada) suatu hari (hari kiamat) yang tidak ada sebarang keraguan tentangnya. Sesungguhnya Allah tidak memungkiri janjiNya. (Aali 'Imraan:9).

¹⁴³ sesuai dengan ketetapan agama Islam dan apa yang diajar oleh Rasulullah s.a.w. Kerana Allah berfirman:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَءِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنتُمْ مُّعْرِضُونَ ﴿٥٠﴾ وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ لَا تَسْفِكُونَ دِمَاءَكُمْ وَلَا تُخْرِجُونَ أَنْفُسَكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ ثُمَّ أَقْرَرْتُمْ وَأَنتُمْ تَشْهَدُونَ ﴿٥١﴾ ثُمَّ أَنْتُمْ هَؤُلَاءِ تَقْتُلُونَ أَنْفُسَكُمْ وَتُخْرِجُونَ فَرِيقًا مِّنْكُمْ مِنْ دِيَارِهِمْ تَظْهَرُونَ عَلَيْهِمْ بِالْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَإِن يَأْتُوكُمْ أُسْرَىٰ تُمْسِكُوهُمْ وَهُوَ جَعَلَكُمْ خُفْرًا مِّنْ عَمَلِكُمْ فَاخْرَجَهُم مِّنْ أَقْتُو مَنُونٍ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتُكْفَرُونَ بِبَعْضٍ فَمَا جَزَاءُ مَن يَفْعَلْ ذَلِكَ مِنْكُمْ إِلَّا خِزْيٌ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يُرَدُّونَ إِلَىٰ أَشَدِّ الْعَذَابِ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٥٢﴾ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ اشْتَرَوُا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا بِالْآخِرَةِ فَلَا يَخَفُ عَنْهُمْ الْعَذَابُ وَلَا هُمْ يُنصَرُونَ ﴿٥٣﴾

Dan (ingatlah), ketika Kami mengambil janji dari Bani Israil (iaitu): Janganlah kamu menyembah selain Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta ucapkanlah kata-kata yang baik kepada manusia,¹⁴⁴ dirikanlah shalat dan tunaikanlah zakat. Kemudian kamu tidak memenuhi janji itu, kecuali sebahagian kecil daripada kamu, dan sememangnya kamu orang-orang yang tidak menghiraukan perjanjian. [83].

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ فَإِذَا أَقَضْتُمْ مِّنْ عَرَقَتِ فَادْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ وَاذْكُرُوا كَمَا هَدَيْتُمْ وَإِنْ كُنْتُمْ مِنْ قَبْلِهِ لَمَنِ الضَّالِّينَ ﴿٥٤﴾

Bermaksud: Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhanmu (dengan meneruskan perniagaan ketika mengerjakan haji). Kemudian apabila kamu bertolak turun dari 'Arafat (menuju ke Muzdalifah), maka sebutlah nama Allah (dengan doa, talbiah dan tasbih) di Masy'aril Haram (di Muzdalifah). Dan ingatlah kepada Allah dengan menyebutNya sebagaimana yang ditunjukkanNya kepadamu; dan sesungguhnya kamu sebelum itu benar-benar termasuk di dalam golongan orang-orang yang salah jalan ibadatnya. (al-Baqarah:198).

¹⁴⁴ Di tempat yang lain Allah berfirman begini:

وَقُلْ لِّعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْزِعُ بَيْنَهُمْ إِنَّا لِلشَّيْطَانِ كَانٌ لِلْإِنْسَانِ عَدُوًّا مُّبِينًا ﴿٥٥﴾

Bermaksud: Dan katakanlah (wahai Muhammad) kepada hamba-hambaKu (yang beriman), supaya mereka mengucapkan perkataan yang terbaik. Sesungguhnya syaitan itu sentiasa menimbulkan perselisihan di antara mereka (yang mukmin dan yang menentang); sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia. (al-Israa':53).

Dan (ingatlah), ketika Kami mengambil janji dari kamu (iaitu): kamu tidak boleh menumpahkan darah sesamamu, tidak boleh mengusir satu sama lain dari kampung halamanmu, kemudian kamu berikrar (akan memenuhinya) dan kamu sendiri pula menjadi saksi (yang mengakui kebenarannya). [84].

Kemudian kamulah yang berbunuh-bunuhan sesamamu dan mengusir sebahagian kamu dari kampung halaman mereka, kamu bekerjasama melakukan dosa dan pencerobohan terhadap mereka, namun begitu jika mereka datang kepadamu sebagai tawanan, kamu tebus mereka pula, sedangkan perbuatan mengusir mereka itu (juga) diharamkan ke atasmu. Apakah kamu beriman kepada sebahagian (ajaran) Al-Kitab (Taurat) dan kufur kepada sebahagian yang lain? Tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian melainkan kehinaan dalam kehidupan dunia, dan pada hari kiamat kelak mereka akan dikembalikan kepada azab yang paling dahsyat.¹⁴⁵ Dan (ingatlah), Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan. [85].

Itulah orang-orang yang telah membeli kehidupan dunia dengan kehidupan akhirat. Kerana itu azab tidak akan diringankan dari mereka dan mereka tidak akan diberi pertolongan.¹⁴⁶ [86].

¹⁴⁵ Kembali sebenar manusia setelah matinya ialah kepada Allah, kemudian Allah-lah yang akan menentukan hukum untuknya sama ada berupa ni'mat atau azab. Hakikat itu dapat dilihat pada firman Allah berikut:

وَهُوَ الْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ وَيُرْسِلُ عَلَيْكُمْ حَفَظَةً حَتَّىٰ إِذَا جَاءَ أَحَدَكُمْ الْمَوْتُ تَوَفَّتْهُ رُسُلُنَا وَهُمْ لَا يُفِرُّونَ ﴿٦١﴾ ثُمَّ رُدُّوْا إِلَى اللَّهِ مَوْلَاهُمُ الْحَقُّ ۖ أَلَا لَهُ الْحُكْمُ وَهُوَ أَسْرَعُ الْحَاسِبِينَ ﴿٦٢﴾

Bermaksud: Dan Dialah yang berkuasa penuh terhadap sekalian hambaNya dan Dia mengutuskan kepadamu pengawal-pengawal (malaikat yang menjaga dan menulis segala yang kamu lakukan), sehingga apabila datang kematian kepada salah seorang di antara kamu, ia diwafatkan oleh utusan-utusan (malaikat-malaikat) Kami; sedang mereka pula (malaikat itu) tidak cuai (dalam menjalankan tugasnya). (61)

Kemudian mereka (yang diambil nyawanya itu) dikembalikan kepada Allah Pengawas mereka yang sebenar (yang akan membalas dengan adil). Ketahuilah, bagi Allah jualah kuasa menetapkan hukum (pada hari kiamat itu) dan Dialah secepat-cepat Pengira (Penghitung). (62) (al-An'aam:61-62).

¹⁴⁶ Kerana Allah telah berfirman:

إِنَّ الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا وَرَضُوا بِالْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاطْمَأَنَّنُوا بِمَا وَالَّذِينَ هُمْ عَنْ ءَابِئَتِنَا غٰفِلُونَ ﴿١٠١﴾ أُولَٰئِكَ مَا لَهُمْ آلَاكَارُ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٠٢﴾

وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَقَفَّيْنَا مِنْ بَعْدِهِ بِالرُّسُلِ وَآتَيْنَا عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ الْبَيْتَ وَأَيَّدْنَاهُ بِرُوحِ الْقُدُسِ أَفَكُلَّمَا جَاءَكُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهْوَى أَنْفُسُكُمْ اسْتَكْبَرْتُمْ فَفَرِقْنَا بَيْنَكُمْ وَفَرِيقًا تَقْتُلُونَ ﴿٥٠﴾ وَقَالُوا قُلُوبُنَا غُلْفٌ بَلْ لَعَنَهُمُ اللَّهُ بِكُفْرِهِمْ فَقَلِيلًا مَّا يُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾ وَلَمَّا جَاءَهُمْ كِتَابٌ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَهُمْ وَكَانُوا مِنْ قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا وَقَالُوا لَئِنْ جَاءَهُمْ مَا عَرَفُوا كَفَرُوا بِهِ فَلَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْكَافِرِينَ ﴿٥٢﴾

Dan sesungguhnya Kami telah mengurniakan Al-Kitab (Taurat) kepada (Nabi) Musa, dan Kami iringi selepasnya dengan rasul-rasul yang lain, dan Kami juga mengurniakan kepada (Nabi) Isa putera Maryam mu`jizat-mu`jizat yang amat jelas¹⁴⁷ dan Kami bantunya dengan Ruhul Qudus.¹⁴⁸ Apakah setiap kali datang

Bermaksud: Sesungguhnya orang-orang yang tidak menaruh ingatan akan menemui Kami (pada hari akhirat untuk menerima balasan) dan yang redha (berpuashati) dengan kehidupan dunia semata-mata serta merasa tenang tenteram dengannya dan orang-orang yang tidak mengindahkan ayat-ayat (keterangan dan tanda-tanda kekuasaan) Kami. (7)

Mereka yang demikian keadaannya (di dunia), tempat kediaman mereka (di akhirat) ialah Neraka; disebabkan keingkaran dan kederhakaan yang mereka telah lakukan. (8). (Yunus:7-8).

¹⁴⁷ Apakah mu`jizat-mu`jizat yang amat jelas yang telah dikurniakan oleh Allah kepada Nabi `Isa a.s.? Di sini tidak disebutkan, tetapi di dalam beberapa ayat yang lain ia disebutkan satu per satu. Lihat sebagai contohnya firman Allah di bawah ini:

وَرَسُولًا إِلَى بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنِّي قَدْ جِئْتُكُمْ بِآيَةٍ مِنْ رَبِّكُمْ أَنِّي أَخْلُقُ لَكُمْ مِنَ الطَّيْرِ كَهَيْئَةِ الطَّيْرِ فَأَنْفُخُ فِيهِ فَيَكُونُ طَيْرًا بِإِذْنِ اللَّهِ وَأُبْرِئُ الْأَكْمَهَ وَالْأَبْرَصَ وَأُخْرِجُ الْمَوْتَى بِإِذْنِ اللَّهِ وَأَتَّبِعُكُمْ بِمَا تَأْكُلُونَ وَمَا تَدْخِرُونَ فِي بُيُوتِكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٥٣﴾

Bermaksud: Dan (akan melantiknya) menjadi seorang Rasul kepada Bani Israil, (dengan menegaskan kepada mereka): Sesungguhnya aku telah datang kepadamu, dengan membawa satu tanda luar biasa (mu`jizat) dari Tuhanmu, iaitu aku boleh membuat untuk kamu dari tanah liat seperti bentuk burung, kemudian aku tiup padanya lalu menjadilah ia seekor burung (yang hidup) dengan izin Allah dan juga aku boleh menyembuhkan orang yang buta sejak dari lahirnya dan orang yang sopak dan aku boleh menghidupkan kembali orang-orang yang mati dengan izin Allah dan juga aku boleh memberitahu kepadamu tentang apa yang kamu makan dan apa yang kamu simpan di rumah-rumahmu. Sesungguhnya perkara-perkara yang demikian itu mengandungi satu tanda (mu`jizat) bagimu (yang membuktikan kebenaran bahawa aku seorang Rasul yang diutus oleh Allah kepadamu), jika kamu orang-orang yang (mahu) beriman. (Aali `Imraan:49).

seorang rasul kepadamu membawa pengajaran yang tidak disukai hatimu, maka kamu bertindak angkuh, sehingga sebahagian dari mereka kamu dustakan (seperti Nabi `Isa a.s. dan lain-lain) dan sebahagian yang lain pula kamu bunuh (seperti Nabi Yahya a.s. dan lain-lain)?! [87].

Dan mereka (orang-orang Yahudi) berkata pula: “Hati kami tertutup (tidak dapat menerima Islam).” (Sebenarnya hati mereka tidak tertutup) Bahkan Allah telah mela`nat mereka kerana kekufuran mereka;¹⁴⁹ maka sedikit sekali mereka yang beriman. [88].

Dan setelah datang kepada mereka sebuah kitab (Al-Qur`an) dari Allah yang membenarkan apa yang ada pada mereka (Kitab Taurat), padahal sebelumnya mereka sentiasa memohon (kepada Allah) kemenangan atas orang-orang kafir (dengan kedatangan rasul yang akan dibangkitkan itu), tetapi setelah datang kepada mereka Rasul yang mereka ketahui (benarnya), mereka mengingkarinya. Maka (dengan yang demikian) laknat Allah menimpa orang-orang yang kafir ingkar itu. [89].

¹⁴⁸ Apa atau siapakah Ruhul Qudus yang tersebut di dalam ayat ini? Tidak dijelaskan apa atau siapa. Tetapi berdasarkan firman Allah di dalam ayat yang lain jelas ia adalah Jibril a.s. Lihat firman Allah berkenaan sebagai buktinya di bawah ini:

وَإِذَا بَدَّلْنَا آيَةً مَكَانَ آيَةٍ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا يُنْزِلُ قَالُوا إِنَّمَا أَنْتَ مُفْتَرٍ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٠١﴾ قُلْ نَزَّلَهُ رُوحُ الْقُدُسِ مِنْ رَبِّكَ بِالْحَقِّ لِيُثَبِّتَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهُدًى وَبُشْرَى لِلْمُسْلِمِينَ ﴿١٠٢﴾

Bermaksud: Dan apabila Kami tukarkan satu ayat (mu`jizat) menggantikan ayat (mu`jizat) yang lain dan Allah memang mengetahui akan apa yang Dia turunkan, -berkatalah mereka (yang kafir): Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) hanyalah seorang pendusta; (padahal Nabi Muhammad tidak berdusta) bahkan kebanyakan mereka tidak mengetahui hakikat yang sebenarnya. (101).

Katakanlah (wahai Muhammad): “Ruhul Qudus (Jibril) menurunkannya (al-Qur`an itu) dari Tuhanmu dengan benar, untuk meneguhkan (hati) orang-orang yang telah beriman, dan untuk menjadi petunjuk serta berita gembira bagi orang-orang Islam. (102). (an-Nahl:101-102).

¹⁴⁹ Kekufuran merekalah yang mengundang la`nat Allah sebagaimana hati manusia menjadi berkarat dan berselaput kerana dosa yang dilakukannya. Allah berfirman:

كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٤﴾

Bermaksud: Bukan begitu sama sekali! Bahkan hati-hati mereka telah berkarat diselaputi kekotoran (dosa), dengan sebab (perbuatan kufur dan maksiat) yang mereka kerjakan. (al-Muthaffifin:14).

بِنَسَبِهَا اشْتَرَوْا بِهِ أَنْفُسَهُمْ أَنْ يَكْفُرُوا بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ بَغْيًا أَنْ يَنْزِلَ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ عَلَى مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ ۖ فَبَاءُؤُ
 بِغَضَبٍ عَلَى غَضَبٍ وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ مُهِينٌ ۝ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ امْنُوا بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا نُوْمِنُ بِمَا أَنْزَلَ عَلَيْنَا وَيَكْفُرُونَ
 بِمَا وَرَاءَهُ وَهُوَ الْحَقُّ مُصَدِّقًا لِمَا مَعَهُمْ قُلْ فَلِمَ تَقْتُلُونَ أَنْبِيَاءَ اللَّهِ مِنْ قَبْلُ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ۝ وَلَقَدْ جَاءَكُمْ مُوسَى
 بِالْبَيِّنَاتِ ثُمَّ اتَّخَذْتُمُ الْعِجْلَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَنْتُمْ ظَالِمُونَ ۝ وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوْقَكُمُ الطُّورَ خُذُوا مَا آتَيْنَاكُمْ
 بِقُوَّةٍ وَاسْمِعُوا ۚ قَالُوا سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا وَأُشْرِبُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْعِجْلَ بِكُفْرِهِمْ قُلْ بِنَسَبِهَا يَأْمُرُكُمْ بِهِ إِيمَانُكُمْ إِنْ كُنْتُمْ
 مُؤْمِنِينَ ۝ قُلْ إِنْ كَانَتْ لَكُمْ الدَّارُ الْآخِرَةُ عِنْدَ اللَّهِ خَالِصَةً مِنْ دُونِ النَّاسِ فَتَمَتَّعُوا بِالْمَوْتِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ۝ وَلَنْ
 يَتِمَّنَّوهُ أَبَدًا بِمَا قَدَّمْتُمْ أَيْدِيَهُمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ ۝

Alangkah buruknya (hasil perbuatan) mereka yang menjual diri sendiri dengan kekufuran kepada apa yang telah diturunkan Allah, kerana dengki sebab Allah telah menurunkan limpah kurnia-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya.¹⁵⁰ Kerana itu mereka mendapat kemurkaan demi kemurkaan. Dan untuk orang-orang yang kafir itu ada siksaan yang menghinakan. [90].

Dan apabila dikatakan kepada mereka: “Berimanlah kepada Kitab (Al-Qur’an) yang telah diturunkan Allah,” mereka menjawab: “Kami hanya beriman kepada Kitab (Taurat) yang diturunkan kepada kami sahaja.” Dan mereka kufuri Kitab (Al-Qur’an) yang diturunkan sesudahnya, sedangkan Kitab itulah yang hak; yang membenarkan Kitab yang ada pada mereka. Tanyalah mereka: “Mengapa

¹⁵⁰ Perasaan dengkilah antara sebab yang membuatkan orang-orang Yahudi tidak dapat beriman kepada Nabi Muhammad s.a.w. Allah ketika menceritakan perkara yang sama di dalam ayat yang lain telah berfirman:

أَمْ يَحْسُدُونَ النَّاسَ عَلَى مَا آتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ فَقَدْ آتَيْنَا آلَ إِبْرَاهِيمَ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَآتَيْنَاهُمْ مُلْكًا عَظِيمًا ۝
 Bermaksud: Atau patutkah mereka dengki kepada manusia (Nabi Muhammad dan umatnya) disebabkan ni`mat (pangkat Nabi dan agama Islam) yang telah diberikan oleh Allah kepada mereka dari limpah kurniaNya? Kerana sesungguhnya Kami telahpun memberi kepada keluarga Ibrahim: Kitab (agama) dan hikmat (pangkat Nabi) dan kami telah memberi kepada mereka kerajaan yang besar. (an-Nisaa’:54).

kamu dahulu telah membunuh nabi-nabi Allah jika benar kamu orang-orang yang beriman?” [91].

Sesungguhnya (Nabi) Musa telah datang kepadamu membawa mu'jizat-mu'jizat yang jelas,¹⁵¹ kemudian kamu menyembah (patung) anak lembu sepeninggalannya (ke bukit Thursina), dan kamu (dengan perbuatan itu) adalah orang-orang yang menganiaya (dirimu sendiri).¹⁵² [92].

Dan (kenangilah), ketika Kami mengambil janji dari kamu dan Kami angkat bukit (Thursina) ke atasmu (seraya Kami berfirman): “Peganglah teguh-teguh

¹⁵¹ Apakah mu'jizat-mu'jizat yang jelas yang telah dibawa oleh Nabi Musa a.s. kepada mereka? Tidak disebutkan di sini, tetapi ia disebut pada beberapa tempat yang lain di dalam al-Qur'an. Antaranya ialah firman-firman Allah berikut:

فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمُ الطُّوفَانَ وَالْجَرَادَ وَالْقُمَّلَ وَالضَّفَادِعَ وَالْغَمْلَ ۖ وَآيَاتٍ مُّفَصَّلَاتٍ فَاسْتَكَبَرُوا وَكَانُوا قَوْمًا مُّجْرِمِينَ ﴿٣٧﴾

Bermaksud: (Allah berfirman): Kami pun menghantarkan kepada mereka taufan, belalang, kutu, katak dan darah, sebagai tanda-tanda (mu'jizat) yang terang dan jelas, tetapi mereka tetap juga takbur dan menjadi kaum yang menderhaka. (al-A'raaf:133).

فَأَلْقَى عَصَاهُ فَإِذَا هِيَ ثُعْبَانٌ مُّبِينٌ ﴿٣٨﴾ وَنَزَعَ يَدَهُ فَإِذَا هِيَ بَيْضَاءُ لِلنَّظِيرِينَ ﴿٣٩﴾

Bermaksud: (Nabi) Musa pun mencampakkan tongkatnya, lalu seketika itu juga tongkatnya itu menjadi seekor ular yang jelas nyata. (107).

Dan (Nabi) Musa mengeluarkan tangannya, tiba-tiba tangannya (menjadi) putih (bersinar-sinar) bagi orang-orang yang melihatnya. (108). (al-A'raaf:107-108).

فَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ مُوسَىٰ أَنْ أَضْرِبْ بِعَصَاكَ الْبَحْرَ ۖ فَانفَلَقَ فَكَانَ كُلُّ فِرْقٍ كَالطَّوْدِ الْعَظِيمِ ﴿٤٠﴾

Bermaksud: Lalu Kami wahyukan kepada (Nabi) Musa: “Pukullah laut itu dengan tongkatmu.” (Setelah dipukul) maka terbelahlah laut itu, lalu menjadilah air tiap-tiap bahagian yang terbelah itu terangkat (dan beku kaku) seperti gunung yang besar. (asy-Syu'araa':63).

¹⁵² Sebelum ini pun Allah telah berfirman tentangnya. Di dalamnya bahkan telah tersebut hukuman terhadap orang-orang yang terlibat dalam penyembahan patung anak lembu itu. Lihat firman Allah berkenaan:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ ۖ يَقُومِ إِلَهُكُمْ أَنْفُسُكُمْ بِاتِّخَاذِكُمْ الْعِجَلِ فَتُؤْتُوا إِلَىٰ بَارِيكُمْ فَاقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ ۚ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ عِنْدَ بَارِيكُمْ فَتَابَ عَلَيْكُمْ ۚ إِنَّهُ هُوَ الْتَوَّابُ الرَّحِيمُ ﴿٤١﴾

Dan (kenangilah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: “Wahai kaumku! Sesungguhnya kamu telah menganiaya dirimu sendiri kerana perbuatanmu menyembah (patung) anak lembu itu. Oleh itu bertaubatlah kepada Allah yang menciptakanmu dan bunuhlah sendiri orang-orang yang bersalah dari kamu. Tindakan itu lebih baik kepadamu di sisi Allah Pencipta kamu. Lalu Allah menerima taubatmu. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Penerima taubat lagi Maha Mengasihani.” (al-Baqarah:54).

apa yang Kami kurniakan kepadamu dan dengarlah (apa yang diperintahkan kepadamu dengan mematuhi)!” Mereka menjawab (dengan lidah): “Kami dengar dan (hati mereka pula berkata) kami derhaka.” Kegemaran menyembah (patung) anak lembu itu telah mesra dan sehati di dalam hati mereka dengan sebab kekufuran mereka. Katakanlah (wahai Muhammad): “Itulah seburuk-buruk perbuatan yang disuruh oleh imanmu jika kamu benar beriman (kepada Taurat).” [93].

Katakanlah: “Jika kamu menganggap negeri akhirat (syurga) itu khusus untukmu sahaja di sisi Allah, bukan untuk orang lain,¹⁵³ maka hendaklah kamu bercita-cita mati, jika kamu benar beriman. [94].

Dan mereka sekali-kali tidak akan bercita-cita mati selama-lamanya, dengan sebab dosa-dosa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan mereka (sendiri), dan Allah Maha Mengetahui (rahsia) orang-orang yang zalim.¹⁵⁴ [95].

¹⁵³ Seperti diceritakan oleh Allah da'waan mereka itu di dalam ayat di bawah ini:

وَقَالُوا لَنْ يَدْخُلَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ كَانَ هُودًا أَوْ نَصْرًىٰ ۚ تِلْكَ أَمَانِيُّهُمْ ۚ قُلْ هَاتُوا بُرْهَانَكُمْ إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ ﴿١١١﴾

Bermaksud: Dan mereka (Yahudi dan Nasrani) menda'wa: “Sekali-kali tidak akan masuk surga kecuali orang-orang (yang beragama) Yahudi atau Nasrani.” Itu (hanya) da'waan-da'waan mereka yang kosong belaka. Katakanlah: “Tunjukkanlah bukti kebenaranmu jika kamu memang orang-orang yang benar.” (al-Baqarah:111).

¹⁵⁴ Terdapat dua ayat lain yang lebih kurang sama dengan ayat ke-94 dan 95 Surah al-Baqarah ini. Ia tersebut di dalam Surah al-Jumu'ah. Allah berfirman:

قُلْ يٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ هَادُوا إِن زَعَمْتُمْ أَنَّكُمْ أَوْلِيَاءُ لِلَّهِ مِن دُونِ النَّاسِ فَتَمَنَّوْا الْمَوْتَ إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ ﴿٦﴾ وَلَا يَتَمَنَّوْنَهُ أَبَدًا بِمَا قَدَّمْت أَيْدِيَهُمْ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ ﴿٧﴾

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai orang-orang yang beragama Yahudi, kalau kamu anggap bahawa kamulah sahaja orang-orang yang dikasihi Allah tidak termasuk umat-umat manusia yang lain, maka hendaklah kamu bercita-cita mati, jika kamu benar beriman! (6)

Dan (sudah tentu) mereka tidak akan bercita-cita hendakkan mati itu selama-lamanya, dengan sebab dosa-dosa yang mereka telah lakukan dan Allah sentiasa mengetahui akan orang-orang yang zalim itu. (7) (al-Jumu'ah:6-7).

Secara kasarnya ia kelihatan sama dengan dua ayat al-Baqarah di atas, meskipun ada perbezaan pada lafaz dan ma'nanya di sana sini. Inilah salah satu sifat al-Qur'an yang disebut Allah di dalam firmanNya ini:

اللَّهُ نَزَّلَ أَحْسَنَ الْحَدِيثِ كِتَابًا مُّتَشَابِهًا مّتَفَانٍ ۖ تَقْدِشُ عَنْهُ جُلُودُ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُمْ ثُمَّ تَلِينُ جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ هُدًىٰ مِنَ اللَّهِ يَهْدِي بِهِ مَن يَشَاءُ ۚ وَمَن يُضْلِلِ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِن هَادٍ ﴿١٠٠﴾

وَلَتَجِدَنَّهُمْ أَحْرَصَ النَّاسِ عَلَى حَيَاتِهِ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا يَوَدُّ أَحَدُهُمْ لَوْ يُعَظَّرَ آلفَ سَنَةٍ وَمَا هُوَ بِمُزَحَّجٍ بِهِ مِنَ
 الْعَذَابِ أَنْ يُعَظَّرَ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِمَا يَعْمَلُونَ ﴿٩٥﴾ قُلْ مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيلَ فَإِنَّهُ نَزَّلَهُ عَلَى قَلْبِكَ بِإِذْنِ اللَّهِ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ
 يَدَيْهِ وَهُدًى وَبُشْرَى لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٩٦﴾ مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِلَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَرُسُلِهِ وَجِبْرِيلَ وَمِيكَالَ فَإِنَّ اللَّهَ عَدُوٌّ لِلْكَافِرِينَ ﴿٩٧﴾

Dan sesungguhnya kamu akan mendapati mereka, manusia yang paling haloba kepada kehidupan (di dunia), bahkan (lebih haloba lagi) daripada orang-orang musyrik. Masing-masing mereka ingin agar diberi umur seribu tahun, padahal umur panjang itu sekali-kali tidak akan menghindarkannya daripada azab (Allah) jika dipanjangkan umurnya. Allah Maha Melihat apa yang mereka lakukan. [96].¹⁵⁵

Katakanlah (wahai Muhammad): “Sesiapa memusuhi Jibril, maka sebabnya ialah kerana Jibril itu telah menurunkan Al-Qur’an ke dalam hatimu dengan izin Allah;¹⁵⁶ iaitu kitab suci yang membenarkan kitab-kitab suci sebelumnya,

Bermaksud: Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu Kitab Suci Al-Quran yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain (tentang benarnya dan indahnya), yang berulang-ulang (keterangannya, dengan berbagai cara); yang (oleh kerana mendengarnya atau membacanya) kulit badan orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka menjadi seram; kemudian kulit badan mereka menjadi lembut serta tenang tenteram hati mereka menerima ajaran dan rahmat Allah. Kitab Suci itulah petunjuk Allah; Allah memberi petunjuk dengan Al-Quran itu kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) dan (ingatlah) sesiapa yang disesatkan Allah (disebabkan pilihannya yang salah), maka tidak ada sesiapa pun yang dapat memberi hidayat petunjuk kepadanya. (az-Zumar:23).

¹⁵⁵ Sebenarnya umur yang panjang dan kemewahan dunia itu semata-mata tidak memberi apa-apa pun faedah kepada manusia untuk hari akhirat mereka. Allah berfirman:

أَفَرَأَيْتَ إِنْ مَتَّعْنَاهُمْ سِنِينَ ﴿٩٥﴾ ثُمَّ جَاءَهُمْ مَا كَانُوا يُوعَدُونَ ﴿٩٦﴾ مَا أَغْنَىٰ عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَمْتَنِعُونَ ﴿٩٧﴾

Bermaksud: Bagaimana fikiranmu (wahai Muhammad)? Jika Kami berikan mereka menikmati kesenangan bertahun-tahun, (205)

Kemudian mereka didatangi azab seksa yang dijanjikan kepada mereka, (206)

(Tentulah) kesenangan yang mereka nikmati bertahun-tahun itu tidak berguna apa-apa kepada mereka. (207) (asy-Syu’araa’:205-207).

¹⁵⁶ Sekali pandang kepada ayat ini, nampak macam Jibril hanya menurunkan Al-Qur’an ke dalam hati Nabi Muhammad s.a.w. semata-mata tanpa membacanya dan bacaannya didengari oleh telinga Baginda. Demikian juga dengan satu lagi firman Allah, iaitu:

selain menjadi petunjuk dan berita gembira kepada orang-orang yang beriman.¹⁵⁷ [97].

Sesiapa yang menjadi musuh Allah, para malaikat-Nya dan para rasul-Nya, khasnya (Malaikat) Jibril dan Mikail, maka sesungguhnya Allah adalah musuh kepada orang-orang kafir. [98].

نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ﴿٣٧﴾ عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿٣٨﴾

Bermaksud: Ia (al-Qur'an) dibawa turun oleh Ar-Ruh Al-Amin (Jibril yang amanah) (193),

ke dalam hatimu (Muhammad), supaya engkau (wahai Muhammad) menjadi salah seorang di antara orang-orang yang memberi peringatan (kepada umat manusia). (194). (asy-Syu'araa':193-194).

Tetapi berdasarkan beberapa ayat yang lain dapat dipastikan bahawa maksud sebenarnya ialah malaikat Jibril membacakan ayat al-Qur'an dan ia didengari Rasulullah s.a.w. Setelah itu ia terus turun dan masuk ke dalam hati Baginda. Mari kita lihat ayat-ayat lain yang menjelaskan maksudnya itu:

لَا تُحَرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ﴿٣٩﴾ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ ﴿٤٠﴾ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاقْبَرْ ﴿٤١﴾ فَتَرْكَبُ عَرْشَكَ ﴿٤٢﴾ ثُمَّ إِنَّا نُنَزِّلُ الْوَيْهَاقَ ﴿٤٣﴾

Bermaksud: "Janganlah engkau menggerak-gerakkan lidahmu untuk segera membacanya (al-Qur'an)". (16)

Sesungguhnya Kami jamin untuk mengumpulkannya (di dalam dadamu) dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu); (17)

Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu; (18)

Kemudian, sesungguhnya kepada Kamilah terserah urusan menjelaskan kandungannya (yang memerlukan penjelasan). (19) (al-Qiyamah:16-19).

فَتَعَلَى اللَّهِ الْمَلِكُ الْحَقُّ ﴿٤٤﴾ وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْآنِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُقْضَىٰ إِلَيْكَ وَحْيُهُ ﴿٤٥﴾ وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا ﴿٤٦﴾

Bermaksud: Maka Maha Tinggi Allah, Raja yang sebenar-benarnya, dan janganlah engkau (wahai Muhammad) tergesa-gesa membaca Al-Quran sebelum selesai dibacakan oleh Jibril kepadamu, dan berdoalah dengan berkata: "Wahai Tuhanku, tambahilah ilmuku". (Thaaha:114).

¹⁵⁷ Kerana orang-orang berimanlah yang benar-benar mendapat menafa'at dan faedah daripada al-Qur'an itu. Allah berfirman:

وَذَكِّرْ فَإِنَّ الذِّكْرَ تَنْفَعُ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٥﴾

Bermaksud: Dan tetap tekunlah engkau memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu berguna dan bermenafa'at kepada orang-orang yang beriman. (az-Dzariyaat:55).